
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2009/2010

April/Mei 2010

YKT 212 – Komunikasi Dan Budaya

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Fenomenon yang dipanggil 'masyarakat massa' mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pemikir Frankfurt School. Banding dan nilai pemikiran kelompok pemikir ini dengan kumpulan pemikir demokrat-pluralis mengenai hal ini.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'budaya melawan'? Nilai implikasi budaya melawan terhadap masyarakat di Amerika Syarikat pada tahun 1960an dan 1970an.
3. Budaya nasional penting dalam usaha membentuk satu masyarakat harmonis dan juga mencapai kemajuan material. Bincang secara kritis dakwaan ini dengan mengambil kira dasar kebudayaan dalam negara berkenaan.
4. Imperialisme budaya dikatakan berkait rapat dengan pendekatan modenisasi yang dimajukan oleh negara maju seperti Amerika Syarikat. Bincang pernyataan ini dengan contoh serta mengambil kira kritikan yang dibuat oleh pemikir teori pergantungan.
5. Penswastaan televisyen di sesebuah negara membuka peluang besar dari segi penajaan pelbagai program, mesej dan juga pendemokrasian komunikasi. Bincang dakwaan ini dengan menghubungkan faktor pemilikan dan kawalan media di dalam negara anda.